



SEJARAH F4

MS.ROSSA



Troopers love Plusians

A decorative graphic at the bottom of the page consists of two thick, curved bands. The top band is a dark grey color, and the bottom band is a vibrant orange-red. The text 'Troopers love Plusians' is written in a white, cursive, handwritten-style font across the center of the orange-red band.

BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME

2.1 Maksud nasionalisme

-rasa cinta kepada negara dan bangsa

-membawa kpd semangat menjaga maruah negara dan menentang penjajahan.

-Pendapat tokoh:

a) **Hans Kohn**

-Nasionalisme merupakan satu gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara atau bangsanya.

b) **Profesor William R. Roff**

-Kebangkitan nasionalisme Melalui lebih kepada kesedaran dan ketegasan diri pada dekad terakhir sebelum Perang Dunia Kedua. Hal ini disebabkan oleh ancaman terhadap hak kepentingan orang Melayu serta faktor ekonomi. Nasionalisme juga timbul akibat keimbangan masyarakat terhadap sekularisme dan imperialism Barat yang melanda Tanah Melayu.

c) **Dato' Onn Jaafar**

-Kita hendak renenzahirkan suatu bangsa yang lebih tegap dan kuat, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil ternpat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap dan bersatu.

d) **Dr. Burhanuddin al Helmy**

-Perjuangan menentang penjajahan hendaklah ada persatuan dan perpaduan yang kuat, iaitu National Fronts. Segala tenaga yang menentang penjajahan hendaklah digunakan untuk mencapai kemerdekaan dengan tetap berpegang pada tata tertib dan adab sopan bangsa Melayu dan agama Islam untuk menebus, merebut dan merampas kembali hak mutlak bangsa kita yang telah ditenggelamkan itu

e) **Dr. R. Suntharalingam**

-Nasionalisme merupakan fenomena sangat yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia ini untuk menubuhkan negaranya sendiri dan memindahkan kedaulatan kepada rakyat. Nasionalisme juga menuntut kesetiaan ulung individu disalurkan kepada negara bangsa itu

f) **Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid**

-Nasionalisme Melayu bukanlah gejala baharu hasil penggabungan Tanah Melayu oleh British, tetapi nasionalisme Melayu telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kesetiaan kepada raja merupakan ciri nasionalisme Melayu ketika itu dan orang Melayu berpegang pada faham kebangsaan yang bersifat ke "Tanah Melayuan".

g) **Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim**

-Dalam konteks Melayu sebelum merdeka, nasionalisme digunakan untuk merujuk perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri.

2.2 Perkembangan idea nasionalisme di Barat

-Wujud kerana perjuangan rakyat Barat yang menentang pemerintahan berat yang menindas dan mengugat hak rakyat. -Cth: Revolusi Keagungan England dan Revolusi Perancis.

-Selain itu, kerana rakyat berjuang utk mendapat kemerdekaan, cth Revolusi Amerika.

Pemikiran John Locke

"Two Treatises of Government yang mempopularkan prinsip raja berperlembagaan. John Locke menolak konsep pemerintahan raja berkuasa mutlak dan menegaskan bahawa kerajaan patut diasaskan pada suatu persetujuan antara pemerintah dengan rakyat. Undang-undang perlu digubal bagi memenuhi hak asasi manusia."



- disebabkan oleh keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat
- Mary II dan suaminya, Raja William of Orange dari Belanda menyokong parlimen yang menentang pernerintahan Raja James II yg membelakangkan parlimen semasa mengubal undang-undang.
- Raja James II terpaksa melarikan diri ke Perancis.
- Sernasa pemerintahan Mary II dan Williarn of Orange. konsep kedaulatan parlimen dan sistem raja berperlembagaan dimantapkan.
- Bill of Rights digubal yang menyatakan tentang undang-undang dan hak mengutip cukai.

b) Revolusi Amerika 1776

- berlaku disebabkan orang Amerika menentang penjajahan British.
- British tidak melindungi hak penduduk Amerika
- Penduduk Amerika menentang akta yang diperkenalkan untuk memungut cukai seperti Akta Pelayaran. Akta Gula, Akta Setem dan Akta Teh.
- Mereka melaungkan slogan "tiada cukai tanpa perwakilan"
- George Washington mengisyiharkan perang terhadap British.
- Kongres meluluskan Perisytiharan Kemerdekaan Amerika tulisan Thomas Jefferson pada Julai 1776.
- Perisytiharan tersebut menegaskan bahawa sekiranya sesebuah kerajaan tidak dapat menjamin hak kehidupan, kebebasan dan kebahagiaan, maka menjadi hak penduduk membentuk kerajaan
- 1783. British mengakui kemerdekaan Amerika.
- 13 wilayah jajahan British digabungkan, diberi nama Amerika Syarikat dan melaksanakan pemerintahan demokrasi.

c) Revolusi Perancis 1789

- golongan pemikir Perancis seperti Jean Jacques Rousseau (Rousseau) dan Voltaire memperjuangkan idea tentang kebebasan, persamaan dan persaudaraan.
- Rousseau telah menulis The Social Contract yg mengatakan kedaulatan suara rakyat lebih tinggi dan penting daripada institusi raja dan birokrasi
- Sasaran perjuangan mrk terhadap pemerintahan autokratik Raja Louis XVI (1774-1792) dan bangsawan
- Ini krt golongan ini mempunyai byk keistimewaan dan rakyat terbeban dgn cukai.
- Golongan revolusi menggempur penjara Bastile, membebaskan tahanan politik dan seterusnya menggulingkan Raja Louis XVI.
- Akhirnya mrk berjaya menubuhkan republik.

2.3 Perkembangan nasionalisme di Asia

(a) India

- merupakan reaksi penduduk tempatan terhadap dasar imperialisne British
- Dahagi India 1857 merupakan peristiwa awal penentangan mrk.
- mernberi perhatian terhadap isu sosioa-agama
- Brahmo Samaj dan Arya Samaj merupakan pertubuhan penting yg menyedarkan rakyat
- Penghujung abad ke 19, muncul gerakan yang lebih tersusun spt Kongres Kebangsaan India (INC 1885) dan Liga Muslim (1906).
- Awal abad ke 20, muncul gerakan yg lbh radikal spt Bal Gangadhar Tilak dan Bipin Chandra Pal.
- Selepas Perang Dunia Pertama, INC ntemperlihatkan dasar tidak bekerjasama dengan British.
- Mahatma Gandhi menjadikan satyagraha sebagai pegangan.
- Selepas Perang Dunia II, INC dan Liga Muslim mencadangkan pembahagian India/Pakistan
- Muhammad Ali Jinnah sebaisi Gabenor Jeneral Pakistan.
- Jawaharlal Nehru dilantik sebagai Perdana Menteri pertama India.

(b) China

- bertujuan mengukuhkan peradaban China daripada ancaman penguasaan politik dan ekonomi asing
- penentangan terhadap kelemahan pernerintahan Dinasti Manchu (kerajaan Manchuria)
- dipelopori oleh Dr.Sun Yat Sen yg mengemukakan 3 Prinsip Rakyat (San Min Chu-i) sebagai ideologi perjuangan iaitu nasionalisme,demokrasi dan kebijakan sosial.
- Revolusi China 1911 berjaya menumbangkan Dinasti Manchu dan diganti dengan pemerithan republik.

(c) Empayar Uthmaniyyah di Mesir

- merupakan kesedaran terhdap pemerintahan dan agama Islam yang diancam oleh sekularisme Barat.
- mencetuskan Gerakan Pan Islamisme dan Gerakan Islah

i) Gerakan Islah

- dipelopori oleh Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh.
- gerakan Islah menyeru umat Islam berpegang pada ajaran Islam yang sebenar berpandukan al-Quran dan Hadis.

ii) Gerakan Pan Islamisme

- 1883, Sayyid Jamal al-Din al-Afghani menubuhkan kumpulan yang diberikan nama al-Urwah al-Wuthqa (Ikatan yang Kuat).
- bertujuan utk memperkuat rasa persalldaraan dan membawa umat Islam kepada kemajuan

- menerbitkan akhbar al-Urwah al-Wutlyra untuk menyebarkan idea
- iaitu penyatuan persaudaraan umat Islam di seluruh dunia
- Pemerintah Turki Uthmaniyyah , Khalifah Abdul Hamid II menggerakkan idea Pan-Islamisme ini.

(d) Jepun

- Maharaja Mikado Meiji (1868) melancarkan gerakan pemulihan Jepun
- menekankan pemodenan mengikut model Barat supaya Jepun dihormati oleh kuasa Barat
- semangat Bushido dijadikan asas membina nasionalisme dalam kalangan rakyat.
- Pemulihan melibatkan pembaharuan dalam semda aspek bagi menjadikan Jepun kuasa industri dan tentera hebat di Timur
- Akhirnya abad ke 20, Jepun menjadi kuasa imperialis di Asia.

2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

(a) Filipina

- nasionalis Filipina termasuklah Jose Rizal, Andres Bonifacio serta Emilio Aguinaldo
- Jose Rizal memulakan Gerakan Propaganda menuntut Sepanyol
 - i) menjadikan Filipina wilayah Sepanyol
 - ii) memberi hak yg sama kpd bangsa Filipina
- JR menubuhkan Liga Filipina -menuntut perubahan politik/ekonomi dan sosial
- Liga Filipina gagal dan JR dibunuhan
- Muncul nationalis yg lebih radikal iaitu Andres Bonifacio dan Emilio Aquinaldo
- Bonifacio menubuhkan Katipunan dan melancarkan revolusi
- Menggunakan akhbar Kalayan bg menyebarkan idea revolusi tetapi gagal
- Aguinaldo bekerjasama dgn Amerika Syarikat dan berjaya mengusir Sepanyol
- Perisytiharan Kemerdekaan Filipina 1899 tidak diiktiraf sebaliknya Filipina dijajah Amerika Syarikat.
- akhirnya nasionalis spt Segio Osmena menggunakan pendekatan diplomasi menuntut kemerdekaan sehingga perang dunia kedua.

b) Burma

- dicetuskan ole Persatuan Belia Buddha dgn menggunakan Isu Kasut
- menjadi radikal ketika dipimpin oleh U Ba Pe dan menuarkannya kpd Majlis Persatuan Am Kesatuan Burma.
- 1920, Revolusi Pelajar nenuntut penubuhan universiti
- Golongan Sami Buddha melancarkan pemberontakan Saya San krn petani terbeban dgn cukai.
- pengenalan Perlembagaan Burma 1935 memisahkan Burma dengan India
- Golongan Thakin menubuhkan Parti Dobama Asiayone utk perjuangkan kemerdekaan Burma.
- Aung San, Kyaw Nein dan U Nu menggelar diri sebagai "Thakin" yang bermaksud tuan dan menegaskan orang Burma mesti bertuankan org Burma
- Akhirnya Dr Ba Maw menjadi PM yg pertama 1937

c) Vietnam

- dipelopori oleh golongan Mandarin dan bangsawan
- menuntut pemulihan kuasa raja
- menggunakan akhbar seperti Tribune Indige dan Cloche Felee yang mengkritik penindasan Perancis dan menuntut hak rakyat Vietnam
- Slps Perang Dunia Kedua nasionalisme Vietnam bergerak atas alasan demokrasi dan komunis
- VNQDD dipimpin Nguyen Thai Hoc laungkan nasionalisme demokrasi/melancarkan pemberontakan
- Perancis menangkap dan membunuh Nguyen Thai Hoc.
- Ho Chi Minh memimpin PKV dan berjaya isytiharkan kemerdekaan Vietnam 1945.

d) Indonesia

- peringkat awal diperjuangkan oleh Raden Adjeng Kartini
- menulis novel "Hilang Gelap Terbitlah Terang" -mendedahkan kemunduran bangsa Indonesia.
- Pertubuhan Muhammadiyah pula mempertahankan Indonesia daripada sekularisme Barat.
- Nasionalisme Indonesia menjadi radikal di bawah PNI, Sarekat Islam dan PKI
- 1928. Kongres Pemuda Indonesia melahirkan ikrar "Sumpah Pemuda" yang menjadi tonggak nasionalisme
- menekankan 3 asas iaitu satu tanah air, satu bangsa dan satu bahasa
- Soekarno mempelopori pembentukan Permuafakatan Perhimpunan Politik Kebangsaan Indonesia (PPPKI) dan memperjuangkan kemerdekaan Indonesia pd 1945.

e) Thailand

- dipelopori oleh raja Thailand , Raja Mongkut dgn melakukn pemodenan /birokrsi barat
- membina hubungan baik dengan kuasa Barat seperti British,Amerika Syarikat dan Perancis
- Penasihat Barat dibawa masuk untuk melatih pegawai terpnatan dalam pentadbilan kervangan. pelabuhan. Kastam ketenteraan dan polis.
- Guru juga dibawa msuk utk melaksanakan sistem pendidikan barat.
- ini mernbentuk imej Thailand sebagai negara yang bersahabat dengan Barat
- diteruskan oleh putera baginda. iaitu Raja Chulalongkorn
- nasionalisme di kalangan rakyat muncul semasa pemerintahan raja Vajiravudh yg boros
- Nai Pridi Phnomyong /Field Marshal Phibulsongkram tubuhkan Parti Rakyat dan melancarkan Revolusi Thai
- berjaya menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak
- Seterusnya nasionalisme tercetus kerana rakyat tidak berpuas hati dengan penguasaan ekonomi oleh Barat dan Cina.
- Phibulsongkram rneluluskan undang-undang menyekat penguasaan ekonomi oleh orang Cina dan menggalakkan peribumi terlibat dalani kegiatan ekonorni
- kemudian Thailand bekerjasama dgn Jepun dan mendapat hak wilayah utara T. Melayu.

2.5 Nasionalisme di Negara Kita

- Bermula dengan perjuangan rakyat Melaka dan Sultan Mahmud Syah menentang penajahan Portugis.
- Diteruskan dengan perjuangan Sultan Kedah, iaitu Sultan Abdullah Mukarram Shah yang menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI)
- Kemudian menyaksikan perjuangan Penghulu Dol Said./Dato' Maharaja Lela Pandak Lam/Dato' Bahaman/Rentap. Mat Salleh/Tok Janggut dan Haji Abdul Rahman Limpong pada penghujung abad ke-19/20
- perjuangan mereka menuntut kebebasan daripada ancaman luar dan mendaulatkan wilayah.
- awal abad ke 20, perjuangan nasionalisme diteruskan oleh golongan agama spt Gerakan Islah
- dipelopori oleh Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Haji Abbas Mohd Taha dan Syed Sheikh al-Hadi.
- diteruskan melalui penulisan kreatif dan akhbar yang digerakkan oleh individu seperti Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)/ Muhammad Rakawi Yusuf/ Abdul Rahim Kajai/Hajah Zainon Munshi Sulaiman (Ibu Zain) dan Fatimah Yaakub.
- selain itu golongan berpendidikan Melayu spt Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam dan Burhanuddin al-Helmi

2.6 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme

a) Peranan Agama

- pelajar yg melanjutkan pelajaran di Mesir terdedah dengan falsafah perjuangan gerakan Islah di Mesir pimpinan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Sheikh Muhammaci Abdur dan Rashid Rida
- mereka menubuhkan Gerakan Islah yg berjuang ke ara pentafsiran Islam yg sebenar.

b) Penulisan Kreatif

- penulisan novel,cerpen dan puisi menjadi wadah membangkitkan semangat nasionalisme rakyat.
- cth, novel Melor K.Lumpur oleh HarunAminurrashid /cerpen Cerita Awang Putat oleh Abdul Rahim Kajai

c) Media cetak

- akhbar dan majalah juga menjadi bahan menyebar idea nasionalisme
- cth
 - (a)Jawi Peranakan -menegur campur tgn British dlm agama Islam di Singapura/ isu bhs Melayu
 - (b)Sekola Melquy -sbg bahan pembacaan di sekolah Melayu
 - (c)Al-Imam, Neracha dan Pengosuh - memuatkan idea pembaharuan
 - d)Fajar Saawak -mengkritik dasar pemerintahan Brooke

d) Sistem pendidikan

- madrasah spt Madrasah Al-Attas di JB, Madrasah Al Mashyur di PP dan Madrasah Al Idrisiyah di Kuala Kangsar menyebarkan idea pembaharuan kpd rakyat.
- selain itu Malay College Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) melahirkan golongan yang memimpin rakyat menuntut hak untuk mendapatkan pendidikan.

e) Kemunculan golongan Intelektual

- cth Syed Sheikh al-Hadi, Abdul Kadir Adabi, Dato' Undang Rembau Abdullah Haji Dahan, Mohammad Eunos Abdullah. Ustaz Abu Bakar Mohd Said (Abu Bakar al-Baqir) dan Ibrahim Haji Yaakob

f) Pengaruh luar dan serantau

- Pengaruh Gerakan Islah di Mesir/Kemenangan Jepun terhadap Rusia /perjuangan Dr Sun Yat Sen di China.

2.7 Perkembangan Nasionalisme

(a) Perjuangan Golongan Intelektual

i)Intelektual berpendidikan agama

- Syed Sheikh Al Hadi/Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin
- menubuhkan Gerakan Islah /Kaum Muda
- memperjuangkan pentafsiran dan pemodenan Islam
- menggalakkan wanita mendapat Pendidikan dan mendirikan madrasah
- berjuang melalui akhbar dn majalah (Al Imam)

ii)Intelektual berpendidikan Inggeris

- lepasan MCKK spt Raja Chulan/Mohd Eunos Abdullah
- menuntut British baiki taraf hdup Melayu dan peluang pekerjaan dlm pentadbiran British
- menyalurkan idea melalui akhbar spt Warta Malaya dan Utusan Melayu.

iii)Intelektual berpendidikan Melayu

- lepasan MPSI/SITC
- cth Abdul Hadi Hassan/Harun Aminurrasyid/Ibrahim Hj Yaacob/Za'ba
- menubuhkan KMM

(b) Perjuangan melalui penulisan

i)akhbar dan majalah

- golongan berpendidikan agama/inggeris/melayu menggunakan akhbar dan majalah utk menggerakkan Semangat nasionalisme rakyat.
- cth akhbar Warta Malaya/Utusan Melayu/ majalah Guru

ii)akhbar masyarakat Cina dan India

- kebanyakan akhbar Cina dan India memaparkan tentang mengekalkan identiti negara sendiri/ Dan kepentingan sosiopolitik mereka di Tanah Melayu
- cth Lat Pau (Cina) dan Tamil Nesan (India)

iii)karya kreatif

- hasil penulisan kreatif seperti sajak/novel/cerpen cuba menyedarkan rakyat
- cth novel 'Mari Kita Berjuang' karya Abdullah Sidek mengajak rakyat utk merdekaan ekonomi

iv)perjuangan melalui persatuan

- semangat nasionalisme rakyat juga digerakkan dgn penubuhan persatuan2 utk menyatukan org Melayu
- cth : KMS/ PASPAM/ KMM
- terdapat juga persatuan orang Cina dan India yang memperjuangkan hal negara mereka.
- cth Persatuan Orang Cina Peranakan British dan Malayan India Association.

2.8 Kesan perkembangan nasionalisme

(a) Politik

- perjuangan org Melayu menuntut hak daripada British menyebabkan British perkenalkan dasar desentralisasi
- dikalangan org Cina pula, ramai golongan revolusi memberi perhatian thdp Pendidikan masyarakat Cina
- org India pula berusaha membentuk identiti sendiri dan mementingkan perpaduan

(b) Ekonomi

- membangkitkan semangat orang Melayu utk berniaga
- wujud dana bagi membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran ke luar negara

(c) Sosial

- tuntutan Pendidikan melihatkan ramai org Melayu dpt melanjutkan pelajaran di SITC dan menjadi guru
- Penggerak utama Bulan Melayu iaitu Ibu Zain pula tdk putus2 mengingatkan kaum wanita utk mendpt Pendidikan.
- golongan org India juga mula menjaga kebijakan mereka (E.E.C Thuraisingam Berjaya tingkatkan pengeluaran Getah
- org Cina juga menuhubkan SSLC dan menuntut British menjaga kebijakan mereka

Troopers love Plusians

